MAKLUM BALAS
MINIT MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)
BILANGAN 3 TAHUN 2020

BIL	PERKARA	MAKLUMBALAS
1. *Blue Print* Laluan Kerjaya		
a)	Pelaksanaan bengkel / workshop penggubalan Laluan Kerjaya secara atas talian **(Perkara 4.1 (ii))** **Tindakan : PLKK**	Belum dapat dilaksanakan disebabkan tenaga pakar yang dirujuk dari Institut Aminuddin Baki (IAB) telah bertukar kementerian dan masih belum dapat memberi tarikh komitmen kepada Jabatan
b)	Penubuhan jawatan kuasa kerja kecil bagi membincangkan keperluan pegawai berkenaan laluan kerjaya. **(Perkara 4.1 (iiiv))** **Tindakan : PLKK**	Belum dapat diperincikan berdasarkan kepada perkara 4.1 (ii)
2. Kertas Kerja Naik Taraf Pembantu Perikanan Gred G19 / G26 / G28 ke Gred G29 secara Tukar Lantik		
a)	Penetapan peratus calon yang ingin diambil atas kelulusan Sijil Perikanan bagi lantikan baharu G29 untuk dimaklumkan ke SPA **(Perkara 4.2 (iii))** **Tindakan : PLKK**	Cadangan penetapan 25 % calon daripada lulusan Sijil Perikanan bagi lantikan baharu G29 berdasarkan kepada justifikasi : Graduan Sijil Perikanan telah dilatih berdasarkan kurikulum yang dibangunkan oleh Jabatan Perikanan dan menerima pendedahan terus berkaitan hal ehwal bidang kerja dalam Jabatan Kebolehpasaran graduan dimana Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) menetapkan kebolehpasaran graduan mestilah melebihi 50% bekerja dalam bidang tersebut (perikanan)

BIL	PERKARA	MAKLUMBALAS
		Program Sijil Perikanan telah menerima pengiktirafan perakuan penuh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) MQA/FA7564 yang setara dengan Sijil Politeknik/Komuniti di bawah Kementerian Pengajian Tinggi yang layak menjawat Gred G29 Walau bagaimanapun, cadangan ini masih tertakluk kepada syarat-syarat asas yang ditetapkan oleh SPA. Jabatan juga telah memanjangkan permohonan kepada JPA untuk memasukkan Program Sijil Perikanan sebagai salah satu kelayakan untuk menjawat jawatan G29 dan ketika ini masih dalam proses kajian pihak JPA Program Sijil Perikanan telah menerima pengiktirafan perakuan penuh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) MQA/FA7564 yang setara dengan Sijil Politeknik/Komuniti di bawah Kementerian Pengajian Tinggi yang layak menjawat Gred G29 Walau bagaimanapun, cadangan ini masih tertakluk kepada syarat-syarat asas yang ditetapkan oleh SPA. Jabatan juga telah memanjangkan permohonan kepada JPA untuk memasukkan Program Sijil Perikanan sebagai salah satu kelayakan untuk menjawat jawatan G29 dan ketika ini masih dalam proses kajian pihak JPA
b)	Sesi *Enggagement* / task force yang diketuai oleh wakil pekerja MBJ bersama Kementerian, JPA dan MTSU untuk memperhalusi kertas kerja penambahbaikan skim. **(Perkara 4.2 (iv & vi))** **Tindakan : PLKK, BKP dan Wakil Pekerja**	**MBJ Pekerja:** Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Majlis Bersama Kebangsaan (MBK) Bagi Pekerja-Pekerja Am yang dipengerusikan oleh YBhg. Dato Awang Alik Jeman, Pengarah Bahagian Saraan JPA, telah bersidang pada 13 Ogos 2020..Hasil mesyuarat dimaklumkan pihak kementerian akan memanggil jabatan

BIL	PERKARA	MAKLUMBALAS
		perikanan malaysia bagi membincangkan mengenai Pertukaran Pelantikan Skim Perkhidmatan Perikanan G19 kepada Skim Perkhidmatan Penolong Pegawai Perikanan G29. Pihak kementerian belum memanggil lagi jabatan untuk membincangkan mengenai perkara ini **BKP & PLKK:** Akan mengadakan sesi engagement pada 16 Mac 2021
3. Hari Bersama Cawangan Kewangan		
a)	Penghasilan *Frequently Asked Questions* (FAQ) oleh Cawangan Kewangan untuk rujukan warga Jabatan. **(Perkara 4.3 (ii))** **Tindakan : BKP (Kewangan)**	FAQ mengenai Tatacara Pengurusan Wang Awam selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan telah disediakan oleh Cawangan Kewangan BKP untuk diedarkan kepada warga DOF sebagai rujukan.
4. Kursus Peningkatan Kemahiran Bagi Penolong Tadbir (Perkeranian/Operasi)		
a)	Penyelarasan kuota DOF dan hebahan bagi kursus yang dilaksanakan oleh agensi luar seperti INTAN, Akrib Negara, Serta Jabatan Ketua Pegawai Keselamatan Keselamatan Malaysia (CGSO) untuk peningkatan kemahiran kakitangan gunasama **(Perkara 4.4 (i))** **Tindakan : PLKK**	PLKK bersedia untuk menyelaras kursus bersama agensi luar bagi pegawai awam gunasama di Jabatan bergantung kepada jenis keperluan/ kemahiran yang dipohon di Bahagian berkaitan
b)	Cadangan mekanisma pelaksanaan latihan secara maya seperti yang dilakukan oleh pihak INTAN supaya boleh digunapakai oleh Jabatan **Perkara 4.4 (i))** **Tindakan : PLKK**	PLKK dalam proses untuk membangunkan modul latihan secara atas talian. Pada 17 Februari 2021 satu mesyuarat bersama pegawai-pegawai latihan di setiap Bahagian/Pusat telah diadakan bagi tujuan penyelarasan latihan yang akan diadakan secara hibrid atau atas talian. Terkini Bahagian PLKK telah

BIL	PERKARA	MAKLUMBALAS
		menganjurkan Kursus Pra Persaraan Jabatan secara hibrid (fizikal dan virtual) yang diselaras di Bilik Latihan PLKK pada 22 – 24 Februari 2021. Kursus Induksi Kompetensi bagi lantikan baharu G19 Jabatan seramai 42 orang juga akan dilaksanakan secara hibrid pada 8 – 12 Mac 2021.
5. Penambahbaikan Laluan Kerjaya Bagi Skim Perkhidmatan Sains (C)		
a)	Sesi perbincangan bersama wakil Skim C berkenaan opsyen sedia ada serta halatuju dan keperluan pegawai dari skim C di Jabatan. **(Perkara 4.5 (iii))** **Tindakan :BKP & Wakil Pekerja (Skim C)**	Perbincangan dengan pihak MAFI dan JPA akan diadakan pada 10 Mac 2021 bersama-sama dengan wakil pegawai dari skim minoriti seperti Skim C dan Skim WO
6. Penambahbaikan Laluan Kerjaya Bagi Skim Operator Wayarles (N)		
a)	Surat memohon maklum balas dari agensi / Jabatan yang mempunyai jawatan Operator Wireless berkenaan keperluan skim, bidang tugas dan pendapat berkenaan penjumudan skim bagi peningkatan kerjaya pegawai. **(Perkara 4.6 (iii))** **Tindakan :BKP**	Perbincangan dengan pihak MAFI dan JPA akan diadakan pada 10 Mac 2021 bersama-sama dengan wakil pegawai dari skim minoriti seperti Skim C dan Skim WO
7. Pengisian kekosongan di Bahagian Kejuruteraan		
a)	Surat Aku Janji / Perakuan bagi Pegawai Perikanan (Jurutera) yang merupakan perakuan persetujuan dengan laluan kerjaya yang telah ditetapkan di Bahagian Kejuruteraan. **(Perkara 4.7 (ii & iv))** **Tindakan :BKP**	Masih menunggu ketetapan *entry* dan *exit point* bagi Pegawai Perikanan (Jurutera) hasil perbincangan dari pihak PLKK dan Bahagian Kejuruteraan sebagai rujukan surat aku janji.